



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (14 OGOS 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **satu (1) kes** positif COVID-19 dilaporkan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak sebanyak **682** kes.

A. Kes Ke-682 COVID-19 (Kes Import)

Kes ini adalah seorang lelaki warganegara tempatan berasal dari Mukah dan merupakan pelajar di College & University Rubat Fatah Seon, Yaman. Sejarah perjalanan kes menunjukkan kes telah menaiki pesawat Yamenia Airline dari Yaman ke Cairo, Mesir pada 1 Ogos 2020. Dari Cairo, Mesir, kes telah menaiki pesawat untuk masuk ke Malaysia melalui Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) pada hari yang sama. Kes singgah di lapangan terbang KLIA dan balik ke Sarawak pada 3 Ogos 2020 dengan menaiki pesawat ke Sibu melalui Lapangan Terbang Sibu. Semasa tiba di Lapangan Terbang Sibu, kes terus dibawa ke pusat kuarantin hotel di Sibu untuk menjalani kuarantin wajib 14 hari. Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

Kes telah disaring menggunakan RTK Antigen pada 2 Ogos 2020 di Kuala Lumpur dan keputusan ujian RTK Antigen kes adalah negatif.

Semasa menjalani kuarantin di pusat kuarantin hotel, kes diambil swab untuk ujian rT-PCR saringan pertama pada 05 Ogos 2020 dan keputusan ujian makmal pada 06 Ogos 2020 juga mendapati kes adalah negatif untuk COVID-19. Walau bagaimanapun, pada 12 Ogos 2020, kes telah menjalani saringan kedua rT-PCR COVID-19 pada hari Ke-10 dan ujian makmal oleh Makmal Hospital Sibu pada 13 Ogos 2020 mendapati kes adalah positif COVID-19.

Kes telah dimasukkan ke wad Hospital Sibu pada 13 Ogos 2020 untuk rawatan lanjut. Pengesahan kontak dan siasatan lanjut masih dijalankan dan kes ini dikategorikan sebagai kes import dari luar negara. Kes ini merupakan kes import ketiga yang dikesan melibatkan warganegara yang balik ke Sarawak dari negara Yaman.

B. Kluster COVID-19 yang masih aktif.

Setakat hari ini, terdapat kluster yang masih aktif adalah kekal sebanyak **sembilan (9)** dan melibatkan seramai **67 orang kes** seperti berikut:

- a) Kluster Syarikat Kejuruteraan: kekal lapan (8) kes
- b) Kluster Mambong: kekal tujuh (7) kes
- c) Kluster Pusat Perubatan: kekal tiga (3) kes
- d) Kluster Pasar Stutong: kekal tujuh (7) kes
- e) Kluster Jeti Kuching: kekal dua (2) kes
- f) Kluster Sentosa: kekal 31 kes

- g) Kluster PUI Melbourne: kekal tiga (3) kes
- h) Kluster Syarikat Pembinaan Kuching: kekal dua (2) kes
- i) Kluster Pasar Satok: kekal empat (4) kes

Dimaklumkan juga **tiada** kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari Hospital hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes postif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini kekal seramai **659** orang atau **96.63%**.

Seramai **empat (4)** orang masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital, dan jumlah kematian kekal 19 orang atau 2.79%.

Hari ini sebanyak **20 PUI** baru dilaporkan dan **dua (2) kes** masih menunggu ujian makmal.

2. STATUS COVID-19 DI SARAWAK

Walaupun hari ini terdapat satu (1) kes di Sarawak, tapi Sarawak masih lagi berstatus hijau kerana kes tersebut adalah kes import. Kerajaan negeri Sarawak ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menangani COVID-19, khususnya kepada Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak bersama pasukan mereka iaitu Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching, Samarahan dan Serian.

Mereka telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas dengan penuh sabar dan professional. Sebab itu mereka telah berjaya menjelak semua kontak rapat indek kes yang berada dalam dua tiga minggu yang lepas. Untuk makluman, mereka telah berjaya mengesan 2,762 kontak rapat kepada 10 kluster yang telah dilaporkan.

3. PENINGKATAN KAPASITI SARINGAN DI SARAWAK

Mengenai peningkatan keupayaan saringan di Sarawak, kita juga mengucapkan terima kasih kepada beberapa syarikat dan orang perseorangan termasuk kepada kerajaan negeri Sarawak kerana telah membantu Sarawak meningkatkan keupayaan saringan.

Memang pada awalnya, COVID-19 ini menular di Sarawak, kapasiti kita adalah terhad. Kita cuma ada satu pusat saringan di Kuching. Maka sebahagian besar sampel di hantar di KL dan mengambil masa 4-5 hari untuk mendapatkan keputusan.

Kita berasib baik di negeri Sarawak kerana kita mempunyai beberapa syarikat dan orang perseorangan termasuk YAB Ketua Menteri yang perihatin terus berusaha bagi menderma satu mesin PCR di Sibu. Manakala syarikat swasta telah menderma empat (4) mesin PCR di Kuching (1), Miri (1) dan Bintulu (2).

Manakala mesin *automated extraction* pula, Kerajaan Negeri Sarawak telah menderma satu mesin di Miri dan pihak swasta menderma satu mesin di Bintulu. Maka selepas bantuan-bantuan tersebutlah Sarawak dapat meningkatkan kapasiti saringan tersebut. Dan terbaharu Kerajaan Negeri Sarawak telah menyumbangkan **RM 1 juta** untuk menaiktaraf kapasiti saringan di Pusat Jantung Sarawak.

4. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana telah memutuskan beberapa perkara seperti berikut:

A. Pengecualian Kuarantin Bagi Perkhidmatan Penting (*Essential Services*)

Semua rakyat Sarawak yang keluar dari Sarawak ke Semenanjung, Sabah dan Labuan yang mempunyai urusan rasmi sama ada dengan Jabatan Kerajaan mahupun Swasta dan balik semula ke Sarawak tidak lebih (dalam tempoh dua hari) dikecualikan dari kuarantin. Walau bagaimanapun mereka hendaklah membawa bersama surat Arahan Rasmi dari Ketua Jabatan dan Majikan. Mereka **tidak perlu** untuk diambil sampel COVID-19.

Nota : Manakala, perjalanan yang lebih dari dua hari, mereka akan diambil sampel dan tidak akan dikuarantin.

B. Garis Panduan (SOP)

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak (MLGH) telah membentangkan Garis Panduan (SOP) bagi Karaoke Berkonsep Terbuka yang merangkumi perkhidmatan karaoke yang digunakan di Majlis Rasmi & Sosial, Musik Kafe, dan Bistro **dibenarkan beroperasi mulai 15 Ogos 2020.**

5. SEKATAN JALAN RAYA ANTARA ZON (ZON 1 & ZON 2)

Hari ini sebanyak **1,074** jumlah kenderaan telah melalui sekatan jalan raya antara zon (1&2) yang telah diadakan di dua lokasi iaitu di Daerah Simunjan dan Sri Aman. Daripada jumlah tersebut, **1,067** daripadanya telah mendapat kebenaran dan **7** telah diarah berpatah balik kerana tidak memiliki surat kebenaran.

6. LAPORAN NOTIS KOMPAUN

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **42 notis** kompaun kerana tidak mematuhi Garis Panduan (SOP). Notis kompaun yang telah dikeluarkan adalah di Bintulu (20), Padawan (10), Kota Samarahan (5), Limbang (3), Kuching (1), Miri (1), Betong (1) dan Sarikei (1).

7. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Hari ini sebanyak **1,733 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (155), Restoran (358), Kilang (15), Bank (128), Pejabat Kerajaan (69), Penjaja (50), Pasar Tani/Awam (93), Tempat Ibadah (96), Tempat Riadah (43), Tapak Pembinaan (23) dan lain-lain (703).

Seramai **583 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (294), ATM (28), RELA (132), APM (93), PBT (29) dan Lain-Lain (7).

8. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,701** jumlah kenderaan telah diperiksa.

9. NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

Orang ramai adalah dinasihatkan agar tidak leka dan terus kekal waspada. Pastikan saranan dan nasihat-nasihat kesihatan diamalkan pada setiap masa. Antara nasihat yang sewajarnya dijadikan satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian dengan mengamalkan **SOP**:

S: Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

O: Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;

P: Penjarakan fizikal diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

14 OGOS 2020

5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	681	Kes sedang dirawat di hospital	4	0.59%
Kes Baharu	1	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	71,171	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	682	Jumlah kes kematian	19	2.79%
IR per 100,000 penduduk	22.11	Kes telah sembuh dan discaj	659	96.63%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Kumulatif
Negatif	18		20	9,210
Menunggu keputusan	2			

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	3	1	0	0	0	4
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0
	Kumulatif	567	33	27	31	1
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	8	2	0	0	19

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (40)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	19	6,030	0	423	0	408	0	12	3	4	0
2	Serian	0	302	0	24	0	24	0	0	0	0	0
3	Lundu	0	243	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Samarahan	0	545	0	112	0	108	0	4	0	0	0
5	Bau	0	167	0	6	0	6	0	0	0	0	0
6	Bintulu	0	272	0	27	0	27	0	0	0	0	0
7	Sibu	1	106	1	10	0	9	0	0	1	1	0
8	Simunjan	0	60	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
12	Miri	0	822	0	23	0	22	0	1	0	0	0
13	Asajaya	0	41	0	5	0	5	0	0	0	0	0
14	Sri Aman	0	49	0	3	0	2	0	1	0	0	0
15	Betong	0	187	0	16	0	16	0	0	0	0	0
16	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Mukah	0	43	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
19	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0	0
20	Saratok	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Lubok Antu	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Kapit	0	30	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
39	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
40	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		20	9,210	1	682	0	659	0	19	4	5	0

Jumlah Besar	20	9,210	1	682	0	659	0	19	4	5	0
---------------------	-----------	--------------	----------	------------	----------	------------	----------	-----------	----------	----------	----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Bil.	Kluster		Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Tamat		
1	Kluster Kuching Conference		0	191	22 June, 2020		
2	Kluster Seri Petaling		0	115	10 June, 2020		
2a	Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu)	41	Sub-kluster dan kes kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling	Sub-kluster dan kes kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling	3 June, 2020		
2b	Sub-Kluster Debak, Betong	10			15 May, 2020		
2c	Sub-Kluster Sibu	4			10 June, 2020		
2d	Sub-Kluster Bintulu	2			12 May, 2020		
2e	Sub-Kluster Limbang	7			26 May, 2020		
2f	Sub-Kluster Kecil Kuching	7			12 May, 2020		
2g	Sub-Kluster Kecil Samarahan	10			3 June, 2020		
2h	Sub-Kluster Kecil Serian	3			3 June, 2020		
2i	Sporadik				15 May, 2020		
	i) Betong	6			2 May, 2020		
	ii) Samarahan	1			6 June, 2020		
	iii) Serian	1			12 May, 2020		
	iv) Kuching	9			18 April, 2020		
	v) Bintulu	2			24 May, 2020		
	vi) Miri	8			13 April, 2020		
	vii) Mukah	2			26 May, 2020		
	viii) Limbang	2					
3	Kluster PUI Itali		0	65	30 May, 2020		
4	Kluster Petugas Kesihatan Kuching		0	68	6 June, 2020		
5	Kluster Kidurong		0	8	19 July, 2020		
6	Kluster Tapak Pembinaan Kuching		0	3	22 July, 2020		
7	Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching		0	8	Active		
8	Kluster Mambong		0	7	Active		
9	Kluster Jupiter		0	3	13 August, 2020		
10	Kluster Pusat Perubatan Kuching		0	3	Active		
11	Kluster Pasar Stutong		0	7	Active		
12	Kluster Jeti		0	2	Active		
13	Kluster Sentosa		0	31	Active		
14	Kluster PUI Melbourne		0	3	Active		
15	Kluster Syarikat Pembinaan Kuching		0	2	Active		
16	Kluster Pasar Satok		0	4	Active		
17	Kluster-kluster kecil		0	63	-		
18	Sporadik kes		0	57	-		
19	Kes import dari luar negara		1	42	-		
20	Masih dalam siasatan dan kes baru		0	0	-		
Jumlah			1	682			

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **48 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **16 buah hotel** adalah seramai **800 orang**. Manakala seramai **21,205 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 14.08.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (428)	Hock Lee	26
2		Kuching Park	15
3		Hilton	4
4		Harbour View	152
5		Riverside (Astana Wing)	219
6		Riverside (Puteri Wing)	12
7	Miri (240)	Mega	59
8		Eastwood Valley	24
9		Meritz	62
10		Dynasty	95
11	Bintulu (54)	Wasan Inn	32
12		Motel Kapok	12
13		Faber Inn	10
14	Limbang (31)	Purnama	25
15		Mandarin (Lawas)	6
16	Sibu (47)	Premier	47
Jumlah PUS			800

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **4 lokasi di Miri (2), Kuching (1) dan Sarikei (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,482 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 14.08.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	Kuching	470
2	Miri	266
3	Sibu	121
4	Bintulu	111
5	Samarahan	108
6	Sarikei	101
7	Limbang	77
8	Serian	50
9	Betong	48
10	Mukah	45
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
Jumlah		1,482

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Pada hari ini, sebanyak **40 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 14.08.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Pawadan	2
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	6
4	MDLA	1
5	MP Sibu	10
6	MCC	4
7	MD Marudi	5
8	MD Limbang	2
9	MD Lawas	7
Jumlah		40